



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**24 OKTOBER 2020**

1. Hempas kucing hanya salah faham
2. Nyawa kedua anjing buta

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT  
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

## Hempas kucing hanya salah faham

**Shah Alam:** Pengawal keselamatan Masjid Taman Sri Muda, dekat sini, yang tular dalam insiden penganiayaan kucing di kawasan masjid itu meminta maaf atas tindakannya.

Warga Bangladesh yang dikenali sebagai Zakir, 47, memaklumkan, dia tidak berniat untuk mencederakan kucing itu sebaliknya hanya bermain-main dengannya.

“Kejadian itu berlaku selepas solat Zuhur, saya hanya main-main dengan cuba menakutkannya. Saya tidak sangka tindakan saya menimbulkan salah faham.

“Saya ambil kucing itu dekat pasar dan sudah tiga bulan saya membelanya, saya tidak mungkin menyakitinya dengan sengaja.

“Bagaimanapun, saya minta maaf kerana perbuatan saya menimbulkan salah faham,” katanya dihubungi semalam.

Difahamkan, Zakir sudah tiga tahun bertugas sebagai pengawal keselamatan di masjid berkenaan.

Dalam pada itu, Nazir Masjid, Harani Md Saad ber-

kata, Zakir adalah pekerja yang baik dan amat sayangkan haiwan.

Katanya, setiap kali ada kucing liar datang ke masjid berkenaan, Zakir akan memberinya makan.

“Ini hanya salah faham, malah selepas video itu tular, saya mendapat panggilan daripada polis dan sudah membawa Zakir ke balai polis untuk diambil keterangan.

“Polis juga datang ke masjid untuk melihat kucing berkenaan dan mendapati ia baik-baik sahaja tanpa kecederaan,” katanya.

Terdahulu, Presiden Animal Malaysia Arie Dwi Andika menerusi satu hantaran di laman Facebook memohon kerjasama orang ramai atau saksi untuk tampil memberi maklumat kepada polis berhubung insiden terbabit.

Turut dimuat naik dalam hantaran itu adalah rakaman video berdurasi 24 saat menunjukkan seorang lelaki mengusap seekor kucing sebelum mengangkatnya, seolah-olah mahu menghempasnya.



VIDEO yang memaparkan seorang lelaki dikatakan menghempas kucing dipercayai di Masjid Taman Sri Muda, Shah Alam.



PEMILIK menemui semula haiwan peliharaannya dengan bantuan dua anggota polis bantuan LDP.

## NYAWA KEDUA ANJING BUTA

*Dua anggota polis bantuan LDP bantu selamat haiwan peliharaan daripada kena langgar di lebuh raya*

Oleh Redzuan Muharam  
redzuan.muhamaram@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**K**ecekapan dan keprihatinan dua anggota polis bantuan Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) membantu mempertemukan seekor anjing buta dengan pemiliknya pada jam 2 pagi kelmarin selepas hilang beberapa jam akibat sesat.

Ketua Jabatan Komunikasi Litrak, Shah Rizal Mohamed Fawzi berkata, anjing bernama Pebbles itu ditemui Ahmad Safwan Mohd Rahim, 33, dan Mohd Firdaus Baharuddin, 33,

ketika membuat rondaan di LDP.

Menurut Shah Rizal, anggota terbabit kemudian menghubungi talian bantuan LDP untuk maklumat seterusnya bertindak mengikut prosedur operasi standard (SOP) bagi menyelamatkan haiwan itu daripada bahaya lalu lintas.

"Anjing itu hilang dari rumahnya di Taman Tun Dr Ismail (TTDI) menyebabkan pemiliknya memuat pelbagai hantaran di media sosial, termasuk di akaun Facebook (FB)

penduduk mengesan haiwan peliharaannya itu.

"Lebih membimbangkan pemiliknya adalah kerana keadaan anjingnya itu yang mempunyai masalah penglihatan. "Selepas beberapa jam, anjing itu ditemui di laluan utama Lebuhraya

Damansara-Puchong dan anggota bertugas yang melihatnya terus bertindak pantas menghalang kenderaan lain melalui jalan berkenaan untuk sementara waktu bagi melakukan tugas

menyelamat," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Menurut Shah Rizal, pemilik berkenaan dimaklumkan mengenai penemuan haiwannya melalui WhatsApp dan laman sosial.

"Dia datang mengambil haiwannya tidak lama kemudian dan turut berkongsi kisah itu di FB dan berterima kasih kepada polis bantuan LDP dan orang ramai yang membantu menjejaki haiwan peliharaannya.

"Kisah ini satu perkongsian positif yang menunjukkan sikap tanggungjawab polis bantuan LDP hasil bantuan media sosial dan orang awam," katanya.

**"**Anjing itu ditemui di laluan utama Lebuhraya Damansara-Puchong  
**"**Shah Rizal